

NOTIS MAKLUMAN



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

قربان نك ما جوان نك قندخ

Kepada: **PENYEWA-PENYEWA PREMIS PERNIAGAAN,
MILIKAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI
KEDAH**

Tuan/Puan,

MAKLUMAN WAKTU OPERASI DAN *STANDARD OPERATING PROCEDURES* (SOP) PENGOPERASIAN PREMIS SEWAAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Selaras dengan pelaksanaan **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)** yang berkuatkuasa bermula **9 NOVEMBER 2020 sehingga 6 DISEMBER 2020** di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia (kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan), berikut merupakan ketetapan baharu yang perlu dipatuhi oleh setiap penyewa premis perniagaan milikan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah :

**WAKTU OPERASI
PREMIS PERNIAGAAN**

**Setiap Hari
(8.00 Pagi sehingga 8.00 Malam)**

**Mengikut kesesuaian Penyewa seperti yang tertakluk kepada SOP oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)*

Tuan/puan dikehendaki untuk sentiasa mematuhi SOP/langkah-langkah pencegahan Wabak Covid-19 seperti yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negera (MKN) semasa berada di premis sewaan tuan/puan bagi mengelak penularan wabak ini. Sekian, terima kasih.

SOP PENCEGAHAN COVID19 BAGI PREMIS PERNIAGAAN:

1. Pekerja yang mempunyai suhu melebihi 37.5 Celcius dan menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, selsema, susah bernafas tidak dibenarkan bertugas.
2. Pelanggan yang mempunyai suhu melebihi 37.5 Celcius tidak dibenarkan masuk ke dalam premis.
3. Pekerja, pembekal dan pelanggan diwajibkan memakai pelitup muka dengan betul.
4. Menyediakan kemudahan mencuci tangan dengan sabun dan air atau hand sanitizer.
5. Memastikan pekerja membersihkan tangan dengan kerap.
6. Melaksanakan proses nyahkuman (*disinfection*) di premis sebelum memulakan operasi.
7. Menggunakan cecair pencuci untuk melakukan nyah kuman mengikut garis panduan KKM terutamanya tempat yang kerap disentuh.
8. Membekalkan face mask secukupnya kepada pekerja dan memastikan pekerja memakai dengan betul setiap masa.
9. Premis Perniagaan Makanan dan Minuman/ Medan Selera :
 - Makan secara hidangan (*dine in*) dihadkan 2-4 orang satu meja dengan penjarakan 1 meter antara pelanggan.
 - Penjarakan fizikal satu (1) meter antara pelanggan di meja berdasarkan kepada saiz meja.
 - Dibenarkan untuk menjalankan perniagaan secara bawa pulang / bungkus (*takeaway*) atau penghantaran (*delivery*).
 - Menggalakkan penggunaan peralatan makan *biodegradable* (pakai-buang).
10. Pengusaha/Operator Premis perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi *MySejahtera* bagi premis ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat.
11. Pengusaha/Operator Premis perlu memastikan pekerja, pembekal dan pelanggan merekod kehadiran menggunakan aplikasi *MySejahtera* atau mencatatkan secara manual dalam buku yang disediakan oleh Pengusaha/Operator Premis dengan maklumat nama dan nombor telefon yang betul dan boleh dibaca.
12. Menghadkan laluan keluar masuk pelanggan ke premis.
13. Premis perlu menyatakan dengan jelas bilangan pelanggan yang dibenarkan pada satu-satu masa.
14. Letakkan tanda di lantai, terutamanya di kawasan sesak seperti di kaunter pembayaran, bagi memastikan penjarakan 1 meter.
15. Menggalakkan pembayaran tanpa wang tunai atau cashless (e-wallet, kad kredit dan lain lain).

